

TARIKH: 16.1.2014 MUKASURAT: 3 JUDUL AKHBAR: BERITA HARIAN

## Anggota keselamatan UniSZA terima calit

**Kuala Terengganu:** Seramai 38 anggota keselamatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerima kenaikan pangkat dalaman (calit) dalam majlis yang disempurnakan oleh Naib Canselornya, Prof Dr Yahaya Ibrahim.

Pada majlis itu yang berlangsung di Balai Keselamatan UniSZA Kampus Gong Badak di sini, baru-baru ini, anggota terbabit meliputi 12 ketua syif (tiga calit), 12 peno-

long ketua syif (dua calit) dan 14 pembantu penolong ketua syif (satu calit).

Mereka jabatan anggota keselamatan UniSZA yang bertugas di Kampus Induk Gong Badak, Kampus Kota dan Balai Cerap, Merang.

Yang turut menghadiri majlis anjuran Jabatan Keselamatan (JKS) UniSZA itu ialah Pendaftar universiti berkenaan, Nordin Jusoh, dan Pengarah JKS, Ismail Ahmad.



**Yahaya** menyempurnakan majlis kenaikan pangkat dalaman anggota keselamatan UniSZA.